



**PENYATA**  
**JAWATANKUASA PERINTAH-PERINTAH**  
**TETAP DEWAN NEGERI**  
**PERAK DARUL RIDZUAN**

**MESYUARAT PERTAMA TAHUN KEEMPAT**  
**DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS**

1. The first part of the document discusses the importance of maintaining accurate records of all transactions and activities.

2. It then outlines the various methods used to collect and analyze data, including surveys, interviews, and focus groups.

3. The next section describes the results of the study, highlighting the key findings and trends observed.

4. Finally, the document concludes with a discussion of the implications of the findings and offers recommendations for future research.

5. The overall goal of this study is to provide a comprehensive overview of the current state of the field and to identify areas for further investigation.

6. The data presented here is intended to serve as a valuable resource for researchers and practitioners alike.

7. It is hoped that this work will contribute to a better understanding of the complex issues at hand.

8. The authors would like to thank the many individuals and organizations that supported this project throughout its duration.

9. This document is a preliminary report and is subject to change as more information becomes available.

10. For more information, please contact the lead researcher at the address provided below.

11. The authors are grateful to the reviewers for their helpful comments and suggestions.

12. This work was supported in part by a grant from the National Science Foundation.

13. The authors have no conflicts of interest to disclose.

14. The data and materials used in this study are available upon request.

15. The authors would like to thank the participants who made this study possible.

16. This document is a preliminary report and is subject to change as more information becomes available.

17. For more information, please contact the lead researcher at the address provided below.

18. The authors are grateful to the reviewers for their helpful comments and suggestions.

19. This work was supported in part by a grant from the National Science Foundation.

20. The authors have no conflicts of interest to disclose.

21. The data and materials used in this study are available upon request.

22. The authors would like to thank the participants who made this study possible.

23. This document is a preliminary report and is subject to change as more information becomes available.

24. For more information, please contact the lead researcher at the address provided below.

25. The authors are grateful to the reviewers for their helpful comments and suggestions.

26. This work was supported in part by a grant from the National Science Foundation.

27. The authors have no conflicts of interest to disclose.

28. The data and materials used in this study are available upon request.

29. The authors would like to thank the participants who made this study possible.

30. This document is a preliminary report and is subject to change as more information becomes available.

31. For more information, please contact the lead researcher at the address provided below.

32. The authors are grateful to the reviewers for their helpful comments and suggestions.

33. This work was supported in part by a grant from the National Science Foundation.

34. The authors have no conflicts of interest to disclose.

35. The data and materials used in this study are available upon request.

36. The authors would like to thank the participants who made this study possible.

37. This document is a preliminary report and is subject to change as more information becomes available.

## **ISI KANDUNGAN**

Pendahuluan	2
Terma Rujukan	2
Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat Serta Lawatan	3
Ringkasan Lawatan Penanda Aras Jawatankuasa Pemilih dan Sokongan Teknikal Parlimen Malaysia	4
Dapatan Jawatankuasa	5
Syor Jawatankuasa	6
Appendix	8

## **1. PENDAHULUAN**

1.1. Sehingga ke tarikh ini pada tahun semasa (2026), Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan (Jawatankuasa) telah menjalankan gerak kerja dengan mengadakan tiga (3) mesyuarat dan satu (1) lawatan penanda aras ke Parlimen Malaysia. Butiran ringkasannya adalah seperti berikut:

- 1.1.1. Mesyuarat Bil 1 Tahun 2026 telah diadakan pada hari Selasa bertarikh 6 Januari 2026,
- 1.1.2. Lawatan Penanda Aras ke Parlimen Malaysia pada hari Selasa bertarikh 13 Januari 2026,
- 1.1.3. Mesyuarat Bil 2 Tahun 2026 telah diadakan pada hari Khamis bertarikh 5 Mac 2026; dan
- 1.1.4. Mesyuarat Bil 3 Tahun 2026 telah diadakan pada hari Isnin, 6 April 2026.

## **2. TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA**

2.1. Terma Jawatankuasa ini adalah merujuk kepada Perintah Tetap 75.(1)-(3), yang menyatakan bahawa,

*“75. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap yang mengandungi Yang di Pertua sebagai Pengerusi, Timbalan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Pengerusi dan enam orang ahli yang dilantik oleh Dewan Negeri dengan seberapa segera yang boleh selepas permulaan setiap penggal. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mempertimbangkan dari semasa ke semasa dan mengemukakan penyata kepada Dewan Negeri berkenaan dengan perkara berkaitan dengan Perintah-Perintah Tetap yang dirujuk oleh Dewan Negeri kepadanya bagi dipertimbangkan. Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikemukakan dokumen kecuali Dewan Negeri membuat ketetapan memberi kuasa sedemikian.*

*(2) Jawatankuasa ini boleh dari semasa ke semasa mempertimbangkan sebarang perkara berkaitan dengan Perintah-Perintah Tetap dan jika difikirkan perlu melaporkannya kepada Dewan Negeri.*

(3) Jika pemberitahuan usul mengandungi cadangan hendak meminda Perintah-Perintah Tetap, maka, pemberitahuan itu hendaklah diserahkan dengan draf pindaan yang dicadangkan itu, dan usul itu apabila dicadangkan dan disokong, disifatkan telah diserahkan kepada Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap tanpa dikemukakan persoalan kepada mesyuarat dan tidak boleh dibincangkan lagi usul ini sehingga Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap telah mengemukakan penyata kepada Dewan Negeri berkenaan dengan cadangan itu.”

### 3. KEAHLIAN DAN KEHADIRAN MESYUARAT SERTA LAWATAN

3.1. Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan keahlian Jawatankuasa adalah seperti berikut;

<b>Pengerusi</b>	YB Dato' Seri Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid	
<b>Timbalan Pengerusi</b>	YB Cik Jenny Choy Tsi Jen (Ahli Dewan Negeri (ADN) Canning)	
<b>Ahli</b>	<b>Kerajaan</b>	<b>Pembangkang</b>
	YB Dr Abdul Aziz bin Bari (ADN Tebing Tinggi)	YB Encik Khalil bin Yahaya (ADN Kubu Gajah)
	YB Puan Wong May Ing (ADN Pantai Remis)	YB Dr Najihatussalehah binti Ahmad (ADN Bota)
	YB Encik Goh See Hua (ADN Pasir Pinji)	YB Dr Hashim bin Bujang (ADN Bukit Chandan)

3.2. Berikut adalah kemaskini kehadiran mesyuarat yang diadakan sehingga ke tarikh ini pada tahun 2026;

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Kehadiran Mesyuarat serta Lawatan Januari 2026 – April 2026</b>			
		<b>Bil 1 6/1/2026</b>	<b>Lawatan</b>	<b>Bil 2 5/3/2026</b>	<b>Bil 3 6/4/2026</b>
1.	YB Dato' Seri Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid (Pengerusi)	√	√	√	√
2.	YB Cik Jenny Choy Tsi Jen	√	√	√	TH

	Timbalan Pengerusi (Ahli Dewan Negeri (ADN) Canning)				
3.	YB Dr Abdul Aziz bin Bari (ADN Tebing Tinggi)	√	√	TH	TH
4.	YB Puan Wong May Ing (ADN Pantai Remis)	√	TH	TH	√
5.	YB Encik Goh See Hua (ADN Pasir Pinji)	√	TH	√	√
6.	YB Encik Khalil bin Yahaya (ADN Kubu Gajah)	TH	√	√	√
7.	YB Dr Najihatussalehah binti Ahmad (ADN Bota)	TH	TH	√	√
8.	YB Dr Hashim bin Bujang (ADN Bukit Chandan)	√	√	√	√

3.3. Salinan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 1, Bil. 2 dan Bil. 3 Tahun 2026 adalah seperti di Appendix i.

#### **4. RINGKASAN LAWATAN PENANDA ARAS JAWATANKUASA PEMILIH DAN SOKONGAN TEKNIKAL PARLIMEN MALAYSIA**

4.1. Satu lawatan penanda aras ke Parlimen Malaysia telah diadakan pada hari Selasa bertarih 13 Januari 2026 dan Jawatankuasa telah mengenalpasti beberapa amalan di Parlimen Malaysia boleh turut diamalkan oleh Dewan Negeri Perak.

4.2. Ringkasan pengisian lawatan penanda aras tersebut adalah seperti berikut;

4.2.1. Delegasi telah mendengar taklimat berkaitan Jawatankuasa Pemilih yang merangkumi aspek punca kuasa, peranan dan tanggungjawab, serta perincian pelaksanaan amalannya di Parlimen.

4.2.2. Parlimen Malaysia telah memberikan input berkaitan kepentingan-kepentingan mewujudkan serta mengaktifkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas di peringkat Dewan Negeri Perak sepertimana di Dewan Rakyat dan diamalkan di badan-badan legislatif Komanwel yang lain.

- 4.2.3. Selain itu, delegasi turut diberi penerangan berhubung sistem audio visual, penyediaan penyata rasmi, penyelarasan media, serta aspek keselamatan sepanjang Persidangan berlangsung.
- 4.2.4. Delegasi juga telah dibawa melawat ke Dewan Rakyat sebelum bersurai pada jam 2.00 petang.
- 4.3. Seramai 33 orang delegasi telah menyertai lawatan ini dan ringkasannya adalah seperti berikut:
- i. Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
  - ii. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
  - iii. Ahli-ahli Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan – 3 orang
  - iv. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
  - v. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) – 5 orang
  - vi. Bahagian Digital (BD) – seorang
  - vii. Bahagian Korporat (BK) – seorang
  - viii. Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak (PUUNPk) – seorang
  - ix. Jabatan Kerja Raya (JKR) – 3 orang
  - x. Urus setia Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (BDN&MMK) – 12 orang
  - xi. Jurugambar – seorang
  - xii. Pegawai Khas kepada Ahli Dewan Negeri Tebing Tinggi – seorang
- 4.4. Gambar Lawatan Penanda Aras Jawatankuasa Pemilih dan Sokongan Teknikal Parlimen Malaysia adalah seperti di Appendix ii.

## **5. DAPATAN JAWATANKUASA**

- 5.1. Lanjutan daripada gerak kerja yang dijalankan, Jawatankuasa telah bersetuju dengan ketetapan membawa inisiatif reformasi dan penambahbaikan institusi Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:-
- 5.1.1. Cadangan mewujudkan Jawatankuasa Pemilih di Dewan Negeri Perak,
  - 5.1.2. Cadangan supaya Jawatankuasa Pemilih ini diberikan kuasa untuk mewujudkan dan meluluskan terma rujukan (*term of reference*), tugas dan tanggungjawab serta memilih Ahli-Ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut.

5.1.3. Cadangan penambahan (1) perkara baharu serta tiga (3) pindaan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut;

Bil	Butiran	Perintah Tetap	Perkara
1.	Perkara baharu	77A	Jawatankuasa Pemilih
2.		78	Jawatankuasa Pilihan Khas
3.	Pindaan sedia ada	79	Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan
4.		80	Tatacara Jawatankuasa Pilihan

5.1.4. Cadangan mewujudkan empat (4) Jawatankuasa Pilihan Khas;

- i. JKPK Masyarakat Menua (*Aging Society*),
- ii. JKPK Miskin Bandar (*Urban Poverty*),
- iii. JKPK Bandar Pintar (*Smart City*); dan
- iv. JKPK Sekuriti Makanan (*Food Security*).

5.1.5. Sehubungan ini, Jawatankuasa telah memaklumkan perkara ini kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada tarikh 18 Mac 2026, yang seterusnya mengambil maklum akan pembentangan penyata ini pada Mesyuarat Pertama Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas.

## 6. SYOR JAWATANKUASA

6.1. Jawatankuasa mengesyorkan agar satu (1) penambahan perkara baharu dan tiga (3) pindaan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan merujuk di perincian Appendix iii dan ringkasannya adalah seperti berikut;

- 6.1.1. Cadangan tambahan Perkara Baharu: Perkara 77A Jawatankuasa Pemilih
- 6.1.2. Cadangan Pindaan Perintah Tetap 78: Jawatankuasa Pilihan Khas
- 6.1.3. Cadangan Pindaan Perintah Tetap 79: Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan
- 6.1.4. Cadangan Pindaan Perintah Tetap 80: Tatacara Jawatankuasa Pilihan

6.2. Syor selanjutnya adalah cadangan untuk mewujudkan JKPK Masyarakat Menua, JKPK Miskin Bandar, JKPK Bandar Pintar dan JKPK Sekuriti Makanan seperti perincian berikut;

- 6.2.1. JKPK Masyarakat Menua (*Aging Society*) ini dicadangkan sebagai pelengkap dari aspek legislatif kepada polisi merangka kesiapsiagaan Kerajaan Negeri dalam mendepani peralihan demografi ke arah penambahan bilangan warga emas. Ia bertujuan membantu pihak eksekutif dalam memastikan infrastruktur fizikal, sistem sokongan kesihatan dan jaringan keselamatan sosial bersedia untuk menyokong kebajikan warga emas agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan selesa.
- 6.2.2. JKPK Miskin Bandar (*Urban Poverty*) dicadangkan untuk ditubuhkan bertujuan mengenal pasti, mengkaji dan mencari penyelesaian dari aspek legislatif terhadap isu kemiskinan bandar kesan daripada oleh kos sara hidup yang tinggi, ketidaksepadanan gaji dan perumahan mampu milik.
- 6.2.3. JKPK Bandar Pintar (*Smart City*) dicadangkan untuk diwujudkan bertujuan untuk membantu pihak eksekutif memacu agenda pendigitalan dan kelestarian bandar pintar terutamanya di dalam aspek legislatif dengan memastikan perancangan bandar di negeri ini dapat memanfaatkan teknologi bagi pengurusan sumber, trafik, keselamatan, perkhidmatan awam dengan lebih cekap dan pintar.
- 6.2.4. JKPK Sekuriti Makanan (*Food Security*) dicadangkan berperanan memastikan ketersediaan undang-undang dan polisi berkaitan legislatif terhadap isu bekalan makanan di negeri ini terjamin. Ia bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada import makanan dari luar dan memperkasakan sektor rantai bekalan makanan tempatan.

## APPENDIX

- i. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 1, Bil. 2 dan Bil. 3 Tahun 2026.
- ii. Gambar Lawatan Penanda Aras Jawatankuasa Pemilih dan Sokongan Teknikal Parlimen Malaysia.
- iii. Perincian satu (1) penambahan perkara baharu dan tiga (3) pindaan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan.

**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERINTAH-PERINTAH TETAP  
DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
BIL. 1 TAHUN 2026**

**Tarikh** : 6 Januari 2026 (Selasa)  
**Masa** : 10.30 pagi  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Utama  
Aras B, Bangunan Perak Darul Ridzuan

**HADIR :**

1. YB Dato' Seri Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid - Pengerusi  
Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
2. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen  
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
3. YB Dr. Abdul Aziz bin Bari  
Ahli Dewan Negeri Tebing Tinggi
4. YB Puan Wong May Ing  
Ahli Dewan Negeri Pantai Remis
5. YB Encik Goh See Hua  
Ahli Dewan Negeri Pasir Pinji
6. YB Dr. Hashim bin Bujang  
Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan
7. Encik Mohd Ikram bin Ahmad - Setiausaha  
Setiausaha Dewan Negeri

**TURUT HADIR :**

8. Cik Mai Syuhadah binti Shamsari  
Peguam Persekutuan  
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
9. Encik Afzir bin Muhamad Wazer  
Urus Setia Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

10. Puan Nadia binti Zulkifli  
Urus Setia Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

**TIDAK HADIR :**

11. YB Dr. Najihatussalehah binti Ahmad  
Ahli Dewan Negeri Bota
12. YB Encik Khalil bin Yahaya  
Ahli Dewan Negeri Kubu Gajah

## 1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YB Dato' Seri Pengerusi mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.
- 1.2 YB Dato' Seri Pengerusi turut merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran ahli Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap.
- 1.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Perintah Tetap diadakan bagi membincangkan beberapa perkara mustahak melibatkan inisiatif reformasi Dewan Negeri. Pertamanya bagi mewujudkan Jawatankuasa Pemilih sebagaimana yang ada di Dewan Rakyat dan yang keduanya adalah dengan mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas baharu. Cadangan reformasi ini secara prinsipnya telah mendapat persetujuan daripada pihak Eksekutif.

**Tindakan : Makluman**

## 2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Bil. 2 tahun 2023 bertarikh 20 April 2023 telah disahkan oleh YB Tebing Tinggi dan disokong oleh YB Pasir Pinji.

**Tindakan : Makluman**

## 3.0 KEMASKINI LAWATAN PENANDA ARAS JAWATANKUASA PEMILIH DAN SOKONGAN TEKNIKAL KE PARLIMEN MALAYSIA.

- 3.1 Bagi memastikan pelaksanaan yang lancar, satu lawatan penanda aras ke Parlimen Malaysia telah dirancang pada 13 Januari 2026. Perincian lawatan disampaikan oleh Setiausaha seperti berikut:-

<b>MASA</b>	<b>PROGRAM</b>
7.00 pagi	Bertolak ke Parlimen Malaysia dengan menaiki bas.
10.00 pagi	Ketibaan di Bangunan Parlimen
10.15 pagi	Kata-kata aluan daripada Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
10.20 pagi	Taklimat Jawatankuasa Pemilih oleh Setiausaha Dewan Rakyat

11.20 pagi	Taklimat Sokongan Teknikal Parlimen Malaysia <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem audio visual</li> <li>• Pengurusan penyata rasmi</li> <li>• Kemudahan untuk media</li> <li>• Kawalan keselamatan</li> </ul>
12.00 tengah hari	Lawatan Lokasi Sokongan Teknikal
12.30 tengah hari	Makan Tengah
1.00 petang	Bersurai

#### 4.0 MAKLUMBALAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA

4.1 YB Puan Wong May Ing mencadangkan agar portal rasmi Dewan Negeri Perak dinaik taraf untuk memuatkan bank data soalan dan jawapan dewan yang boleh diakses oleh orang awam dengan mengambil contoh amalan di Pulau Pinang dan Selangor. Justifikasi cadangan ini adalah bagi membolehkan analisis perbandingan data dari semasa ke semasa, dan menjadi sumber rujukan awam.

4.2 Mesyuarat mengambil maklum bahawa portal tersebut telah dikemas kini sehingga tahun 2022 dan mendapat pengesahan bahawa soalan serta jawapan dewan adalah merupakan dokumen awam.

**Tindakan : Makluman**

4.3 YB Tebing Tinggi mengesyorkan supaya dijemput institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) untuk menjalankan kajian ilmiah terhadap data-data Dewan Negeri yang ada agar dapat dimanfaatkan oleh semua orang.

**Tindakan : Urus setia**

#### 5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 YB Timbalan Pengerusi mencadangkan pembaharuan kepada Dewan Negeri berkaitan penyediaan jawapan Soalan Bertulis disediakan semasa mesyuarat persidangan Dewan Negeri berlangsung.

**Tindakan : Urus setia**

## 6.0 PENUTUP

- 6.1 YB Dato' Pengerusi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

Disediakan oleh:



**AFZIR BIN MUHAMAD WAZER**  
Urus Setia  
Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 9 Januari 2026

Disemak oleh :



**MOHD IKRAM BIN AHMAD**  
Setiausaha  
Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan


Tarikh : 9 Januari, 2026

Disahkan oleh :



**YB DATO' SERI MOHAMMAD ZAHIR BIN DATO' ABDUL KHALID**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 12/1/2026 .



**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERINTAH-PERINTAH TETAP  
DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
BIL. 2 TAHUN 2026**

**Tarikh** : 5 Mac 2026 (Khamis)  
**Masa** : 11.00 pagi  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Utama  
Aras B, Bangunan Perak Darul Ridzuan

**HADIR :**

1. YB Dato' Seri Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid  
Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak - Pengerusi
2. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen  
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak - Timbalan  
Pengerusi
3. YB Encik Goh See Hua  
Ahli Dewan Negeri Pasir Pinji
4. YB Dr. Najihatussalehah binti Ahmad  
Ahli Dewan Negeri Bota
5. YB Encik Khalil bin Yahaya  
Ahli Dewan Negeri Kubu Gajah
6. YB Dr. Hashim bin Bujang  
Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan
7. Encik Mohd Ikram bin Ahmad  
Setiausaha Dewan Negeri - Setiausaha

**TURUT HADIR :**

8. Cik Mai Syuhadah binti Shamsari  
Peguam Persekutuan  
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
9. Encik Afzir bin Muhamad Wazer  
Urus Setia Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

10. Puan Nadia binti Zulkifli  
Urus Setia Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

**TIDAK HADIR :**

11. YB Dr. Abdul Aziz bin Bari  
Ahli Dewan Negeri Tebing Tinggi
12. YB Puan Wong May Ing  
Ahli Dewan Negeri Pantai Remis

## **1.0 PERUTUSAN Pengerusi**

- 1.1 YB Dato' Seri Pengerusi mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada semua ahli mesyuarat serta turut merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran ahli Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap.
- 1.2 YB Dato' Seri Pengerusi memberi maklum bahawa Ahli Dewan Negeri berperanan penting sebagai ahli legislatif dalam memastikan pembangunan Negeri Perak dapat diurus tadbir dengan baik dan teratur.
- 1.3 YB Dato' Seri Pengerusi memberi maklum cadangan mewujudkan jawatankuasa baharu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemilih ialah hasil daripada lawatan penanda aras yang telah dibuat ke *Parliament of Western Australia* dan Dewan Rakyat.

**Tindakan : Makluman**

## **2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT**

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Bil. 1 tahun 2026 bertarikh 6 Januari 2026 telah disahkan oleh YB Bukit Chandan dan disokong oleh YB Pasir Pinji.

**Tindakan : Makluman**

## **3.0 MAKLUMBALAS MESYUARAT BIL.1 TAHUN 2026.**

- 3.1 Tuan Setiausaha memberi maklum akan cadangan pembaharuan Dewan Negeri berkaitan penyediaan jawapan soalan bertulis oleh pihak Kerajaan dapat disediakan dalam tempoh mesyuarat Persidangan berlangsung. YAB Menteri Besar menyatakan tiada halangan bagi melaksanakan cadangan tersebut.
- 3.2 Berdasarkan semakan yang telah dilaksanakan, hanya tiga negeri sahaja yang tidak memberikan jawapan kepada soalan bertulis semasa persidangan Dewan Negeri iaitu Negeri Perak, Pahang dan Terengganu. Sehubungan itu, Mesyuarat bersetuju agar cadangan tersebut dapat dilaksanakan pada Persidangan Dewan Negeri akan datang yang dijangka pada 15 April 2026.

**Tindakan : Urus setia**

#### **4.0 CADANGAN PENAMBAHAN PERKARA BAHARU JAWATANKUASA PEMILIH KE DALAM PERINTAH-PERINTAH TETAP DEWAN NEGERI PERAK:**

- 4.1 Pihak urus setia telah membentangkan cadangan mewujudkan Jawatankuasa Pemilih sebagai tambahan perkara baharu serta beberapa pindaan di dalam Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak seperti dilampiran A.
- 4.2 Mesyuarat turut diberi maklum bahawa akan ada usul yang akan dibawa pada persidangan yang akan datang bagi mewujudkan Jawatankuasa Pemilih dan pindaan kepada Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak. Jawatankuasa ini akan berperanan bagi melantik Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) dan menyediakan Terma Rujukan bagi jawatankuasa yang akan diwujudkan.

**Tindakan : Urus setia**

#### **5.0 CADANGAN PENUBUHAN EMPAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS**

- 5.1 YB Dato' Seri Pengerusi memberi maklum bahawa perbincangan telah dibuat bersama pihak kerajaan bagi mewujudkan 4 Jawatankuasa Pilihan Khas seperti berikut:
  - a. Jawatankuasa Pilihan Khas Masyarakat Menua (*Aging Society*).
  - b. Jawatankuasa Pilihan Khas Miskin Bandar (*Urban Poverty*).
  - c. Jawatankuasa Pilihan Khas Bandar Pintar (*Smart City*).
  - d. Jawatankuasa Pilihan Khas Sekuriti Makanan (*Food Security*).
- 5.2 Penubuhan Jawatankuasa ini bertujuan bagi mengkaji secara mendalam isu-isu kritikal dan spesifik yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat. Jawatankuasa ini akan bertindak untuk membantu, menasihati, dan memantau dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pihak Eksekutif

**Tindakan : Makluman**

#### **6.0 HAL-HAL LAIN**

- 6.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu program *Retreat* yang melibatkan semua Ahli Dewan Negeri Perak dari blok Kerajaan dan Pembangkang dijangka akan dilaksanakan di Pulau Pinang. Tarikh program akan dimaklumkan kemudian.

7.0 PENUTUP

7.1 YB Dato' Seri Pengerusi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengah hari.

Disediakan oleh :



**AFZIR BIN MUHAMAD WAZER**  
Urus Setia  
Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 9 Mac 2026

Disemak oleh :



**MOHD IKRAM BIN AHMAD**  
Setiausaha  
Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 9 Mac 2026

Disahkan oleh :



**YB DATO' SERI MOHAMMAD ZAHIR BIN DATO' ABDUL KHALID**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 13/3/2026



**CADANGAN UNTUK MEWUJUDKAN JAWATANKUASA PEMILIH**

**Tambahan Perkara Baharu: Perkara 77A Jawatankuasa Pemilih**

<b>Cadangan Nota Birai Bahasa Melayu</b>	<b>Cadangan Nota Birai Bahasa Inggeris</b>
Jawatankuasa Pemilih	Committee of Selection
<b>Teks Cadangan Bahasa Melayu</b>	<b>Teks Cadangan Bahasa Inggeris</b>
77A. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Pemilih, dilantik dengan seberapa segera yang boleh pada permulaan setiap penggal kerana menjalankan kewajipan yang diperuntukkan baginya oleh Perintah-Perintah Tetap ini, dan sebarang perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Dewan Negeri.	77A. (1) There shall be a Committee to be known as the Committee of Selection appointed as soon as may be after the beginning of each session to perform the functions allotted to it by this Standing Order and for other matters as the Legislative Assembly refer to it.
(2) Jawatankuasa Pemilih itu hendaklah mengandungi Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, Timbalan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Pengerusi dan enam orang ahli yang dilantik oleh Dewan Negeri, Jawatankuasa ini hendaklah memaklumkan kepada Dewan Negeri dengan mengeluarkan satu penyata apabila seseorang ahli telah dilantik menjadi ahli sesebuah Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa Pemilih tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat kecuali jika Dewan Negeri membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.	(2) The Committee of Selection shall consist of Speaker as Chairman, Deputy Speaker as Deputy Chairman and six members to be appointed by the Legislative Assembly, this Committee shall report thereon to the Legislative Assembly when any member has been appointed to Special Select Committee. The Committee shall not have power to call for persons to appear before it or to request for letters or record unless the Legislative Assembly so resolves.

**Rujukan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Jawatankuasa Pemilih**

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Jawatankuasa Pemilih	Committee of Selection
76.(1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Pemilih, dilantik awal tiap-tiap Parlimen kerana menjalankan kewajipan-kewajipan yang diuntukkan baginya oleh Peraturan-peraturan Mesyuarat ini dan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025, dan kerana menjalankan apaapa perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Majlis dari satu masa ke satu masa.	76. (1) There shall be a Committee to be known as the Committee of Selection appointed at the beginning of every Parliament to perform the functions allotted to it by these Standing Orders and the Parliamentary Services Act 2025, and for other matters as the House may from time to time refer to it.

**Pindaan Perintah Tetap 78: Jawatankuasa Pilihan Khas**

Teks Sedia ada Bahasa Melayu	Teks Cadangan Pindaan Bahasa Melayu
78. (1) Sebuah Jawatankuasa Pilihan yang lain daripada Jawatankuasa Penggalan akan dikenali dengan nama Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa ini hendaklah dilantik dengan perintah Dewan Negeri dan Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi ahli yang dilantik oleh Dewan Negeri.	78. (1) Sebuah Jawatankuasa Pilihan yang lain daripada Jawatankuasa Penggalan akan dikenali dengan nama Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa ini hendaklah dilantik dengan perintah Dewan Negeri dan Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi ahli yang dilantik oleh <b>Jawatankuasa Pemilih</b> .

Teks Sedia ada Bahasa Inggeris	Teks Cadangan Pindaan Bahasa Inggeris
78. (1) A Select Committee other than the sessional Committees shall be known as a Special Select Committee. This Committee shall be appointed by order of the Legislative Assembly and shall consist of such members appointed by Legislative Assembly.	78. (1) A Select Committee other than the sessional Committees shall be known as a Special Select Committee. This Committee shall be appointed by order of the Legislative Assembly and shall consist of such members appointed by <b>Committee of Selection</b> .

**Pindaan Perintah Tetap 79: Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan**

<b>Teks Sedia ada Bahasa Melayu</b>	<b>Teks Cadangan Pindaan Bahasa Melayu</b>
<p>79. (2) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa itu meninggal dunia, atau tidak hadir oleh sebab yang tidak dapat dielakkan atau jika jawatannya sebagai ahli itu telah menjadi kosong kerana sebarang sebab yang lain maka, Dewan Negeri hendaklah secepat mungkin memilih seorang ahli lain sebagai gantinya atau jika Dewan Negeri telah ditangguhkan, pelantikan hendaklah dibuat pada perjumpaan yang akan datang dan lantikan ini hendaklah menurut syarat dalam perenggan (1).</p>	<p>79. (2) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa itu meninggal dunia, atau tidak hadir oleh sebab yang tidak dapat dielakkan atau jika jawatannya sebagai ahli itu telah menjadi kosong kerana sebarang sebab yang lain maka, Dewan Negeri atau Jawatankuasa Pemilih yang diperuntukkan baginya oleh Perintah-Perintah Tetap ini hendaklah secepat mungkin memilih seorang ahli lain sebagai gantinya atau jika Dewan Negeri telah ditangguhkan, pelantikan hendaklah dibuat pada perjumpaan yang akan datang dan lantikan ini hendaklah menurut syarat dalam perenggan (1).</p>

<b>Teks Sedia ada Bahasa Inggeris</b>	<b>Teks Cadangan Pindaan Bahasa Inggeris</b>
<p>79. (2) In the event of the death or unavoidable absence of a member appointed to a Committee, or if his seat becomes vacant for any other reason, the Legislative Assembly shall, as soon as practicable, appoint another member in his place or if the Legislative Assembly has been adjourned, the appointment shall be made at its next sitting and in so doing, shall observe the provisions of paragraph (1).</p>	<p>79. (2) In the event of the death or unavoidable absence of a member appointed to a Committee, or if his seat becomes vacant for any other reason, the Legislative Assembly or Committee of Selection allotted to it by this Standing Order shall, as soon as practicable, appoint another member in his place or if the Legislative Assembly has been adjourned, the appointment shall be made at its next sitting and in so doing, shall observe the provisions of paragraph (1).</p>

**Pindaan Perintah Tetap 80: Tatacara Jawatankuasa Pilihan**

<b>Teks Sedia ada Bahasa Melayu</b>	<b>Teks Cadangan Pindaan Bahasa Melayu</b>
80. (1) Perintah-Perintah Tetap ini hendaklah terpakai kepada semua Jawatankuasa Pilihan, kecuali yang diperuntukkan selainnya dalam Perintah Tetap 74 hingga 77 (berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan Penggalan).	80. (1) Perintah-Perintah Tetap ini hendaklah terpakai kepada semua Jawatankuasa Pilihan, kecuali yang diperuntukkan selainnya dalam Perintah Tetap 74 hingga <b>77A</b> (berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan Penggalan).

<b>Teks Sedia ada Bahasa Inggeris</b>	<b>Teks Cadangan Pindaan Bahasa Inggeris</b>
80. (1) These Standing Orders shall apply to all Select Committees except as otherwise provided in Standing Orders 74 to 77 (in respect of Sessional Select Committees).	80. (1) These Standing Orders shall apply to all Select Committees except as otherwise provided in Standing Orders 74 to <b>77A</b> (in respect of Sessional Select Committees).

**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERINTAH-PERINTAH TETAP  
DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
BIL. 3 TAHUN 2026**

**Tarikh** : 6 April 2026 (Isnin)  
**Masa** : 2.30 petang  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat TSUKM  
Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan

**HADIR :**

1. YB Dato' Seri Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid - Pengerusi  
Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
2. YB Puan Wong May Ing  
Ahli Dewan Negeri Pantai Remis
3. YB Encik Goh See Hua  
Ahli Dewan Negeri Pasir Pinji
4. YB Dr. Najihatussalehah binti Ahmad  
Ahli Dewan Negeri Bota
5. YB Dr. Hashim bin Bujang  
Ahli Dewan Negeri Bukit Chandan
6. Encik Mohd Ikram bin Ahmad - Setiausaha  
Setiausaha Dewan Negeri

**TURUT HADIR :**

7. Cik Mai Syuhadah binti Shamsari  
Peguam Persekutuan  
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
8. Encik Amir Fadli bin Mohamed Halmi  
Urus Setia Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan
9. Encik Afzir bin Muhamad Wazer  
Urus Setia Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

10. Puan Nadia binti Zulkifli  
Urusetia Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

**TIDAK HADIR :**

11. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen  
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak
12. YB Dr. Abdul Aziz bin Bari  
Ahli Dewan Negeri Tebing Tinggi
13. YB Encik Khalil bin Yahaya  
Ahli Dewan Negeri Kubu Gajah

## **1.0 PERUTUSAN Pengerusi**

- 1.1 YB Dato' Seri Pengerusi mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada semua ahli mesyuarat serta turut merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap Bilangan 3 Tahun 2026.
- 1.2 YB Dato' Seri Pengerusi turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua ahli.
- 1.3 YB Dato' Seri Pengerusi memaklumkan tujuan utama mesyuarat adalah untuk mendengar pemakluman keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), mengesahkan minit mesyuarat lepas, dan membuat ketetapan berkenaan usul-usul yang akan dibawa ke Dewan Negeri.

**Tindakan : Makluman**

## **2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT**

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Bil. 2 tahun 2026 bertarikh 5 Mac 2026 telah disahkan oleh YB Bota dan disokong oleh YB Pasir Pinji.

**Tindakan : Makluman**

## **3.0 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN (MMK)**

- 3.1 Tuan Setiausaha memaklumkan bahawa melalui mesyuarat MMK Bil. 2213 bertarikh 18 Mac 2026, pihak MMK telah mengambil maklum dan bersetuju dengan dua cadangan utama:
  - a. Pindaan kepada Perintah-Perintah Tetap
  - b. Pewujudan Jawatankuasa Pemilih dan Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu.
- 3.2 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa Penasihat Undang-Undang Negeri Perak juga telah meneliti dan bersetuju dengan cadangan tersebut
- 3.3 Pihak MMK memberikan ulasan agar bidang kuasa setiap jawatankuasa (Eksekutif dan Legislatif) dihormati bagi memastikan tiada pertindihan kuasa atau tindakan yang melangkaui sempadan.

**Tindakan : Makluman**

#### **4.0 SEMAKAN DRAF PENYATA JAWATANKUASA PERINTAH TETAP**

- 4.1 YB Dato' Seri Pengerusi menekankan bahawa penyata ini menyentuh pelbagai isu dari aspek legislatif, termasuk penyelesaian bagi Masyarakat Menua, Kemiskinan Bandar, Bandar Pintar dan Sekuriti Makanan.
- 4.2 Draf penyata dipersetujui oleh ahli jawatankuasa dan akan dibentangkan di persidangan Dewan Negeri yang akan datang.

**Tindakan : Urus setia**

#### **5.0 KETETAPAN PEMBAWA DAN PENYOKONG USUL KE DEWAN NEGERI**

- 5.1 Mesyuarat bersetuju bahawa pembawa dan penyokong bagi usul-usul yang akan dibawa ke persidangan Dewan seperti berikut:
  - a. Usul Cadangan Pindaan Perintah Tetap akan dibawa oleh YB Pasir Pinji dan disokong oleh YB Bota.
  - b. Usul Mewujudkan Empat (4) Jawatankuasa Pilihan Khas akan dibawa dan disokong oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco).
  - c. Usul Ahli Jawatankuasa Pemilih akan dibawa dan disokong oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco). Pengerusi turut memaklumkan Jawatankuasa Pemilih akan dianggotai oleh Yang di-Pertua Dewan (Pengerusi), Timbalan Yang di-Pertua (Timbalan Pengerusi), dan enam orang ahli yang dipilih melibatkan 3 orang ahli kerajaan dan 3 orang ahli pembangkang.

**Tindakan : Makluman**

#### **6.0 HAL-HAL LAIN**

- 6.1 YB Pantai Remis membangkitkan persoalan mengenai status laporan Jawatankuasa Pilihan Khas berkaitan haiwan berkeliaran. Pengerusi menjelaskan bahawa laporan dan cadangan penyelesaian telah pun siap, dibentangkan di Dewan dan diserahkan kepada pihak Eksekutif untuk tindakan pelaksanaan. Antara cadangan yang telah dikemukakan termasuklah menyerahkan pengurusan padang ragut kepada SADC secara pajakan (lease) dan menaikkan kadar lesen anjing kepada RM50 berserta syarat pemeriksaan kesihatan oleh veterinar.

**Tindakan : Makluman**

## 7.0 PENUTUP

7.1 YB Dato' Seri Pengerusi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.45 petang.


Disediakan oleh



**AFZIR BIN MUHAMAD WAZER**  
Urus Setia  
Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 7 April 2026


Disemak oleh :



**MOHD IKRAM BIN AHMAD**  
Setiausaha  
Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan


Tarikh : 7 April 2026

Disahkan oleh :




**YB DATO' SERI MOHAMMAD ZAHIR BIN DATO' ABDUL KHALID**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap  
Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 9 April 2026



**Gambar Lawatan Penanda Aras Jawatankuasa Pemilih dan Sokongan Teknikal  
Parlimen Malaysia**





**Perincian satu (1) penambahan perkara baharu dan tiga (3) pindaan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan**

**Tambahan Perkara Baharu: Perkara 77A Jawatankuasa Pemilih**

<b>Cadangan Nota Birai Bahasa Melayu</b>	<b>Cadangan Nota Birai Bahasa Inggeris</b>
Jawatankuasa Pemilih	Committee of Selection
<b>Teks Cadangan Bahasa Melayu</b>	<b>Teks Cadangan Bahasa Inggeris</b>
77A. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Pemilih, dilantik dengan seberapa segera yang boleh pada permulaan setiap penggal kerana menjalankan kewajipan yang diperuntukkan baginya oleh Perintah-Perintah Tetap ini, dan sebarang perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Dewan Negeri.	77A. (1) There shall be a Committee to be known as the Committee of Selection appointed as soon as may be after the beginning of each session to perform the functions allotted to it by this Standing Order and for other matters as the Legislative Assembly refer to it.
(2) Jawatankuasa Pemilih itu hendaklah mengandungi Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, Timbalan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Pengerusi dan enam orang ahli yang dilantik oleh Dewan Negeri, Jawatankuasa ini hendaklah memaklumkan kepada Dewan Negeri dengan mengeluarkan satu penyata apabila seseorang ahli telah dilantik menjadi ahli sesebuah Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa Pemilih tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat kecuali jika Dewan Negeri membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.	(2) The Committee of Selection shall consist of Speaker as Chairman, Deputy Speaker as Deputy Chairman and six members to be appointed by the Legislative Assembly, this Committee shall report thereon to the Legislative Assembly when any member has been appointed to Special Select Committee. The Committee shall not have power to call for persons to appear before it or to request for letters or record unless the Legislative Assembly so resolves.

### Cadangan Pindaan Perintah Tetap 78: Jawatankuasa Pilihan Khas

<b>Teks Sedia ada Bahasa Melayu</b>	<b>Teks Cadangan Pindaan Bahasa Melayu</b>
78. (1) Sebuah Jawatankuasa Pilihan yang lain daripada Jawatankuasa Penggalan akan dikenali dengan nama Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa ini hendaklah dilantik dengan perintah Dewan Negeri dan Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi ahli yang dilantik oleh Dewan Negeri.	78. (1) Sebuah Jawatankuasa Pilihan yang lain daripada Jawatankuasa Penggalan akan dikenali dengan nama Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa ini hendaklah dilantik dengan perintah Dewan Negeri dan Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi ahli yang dilantik oleh <b>Jawatankuasa Pemilih</b> .

<b>Teks Sedia ada Bahasa Inggeris</b>	<b>Teks Cadangan Pindaan Bahasa Inggeris</b>
78. (1) A Select Committee other than the sessional Committees shall be known as a Special Select Committee. This Committee shall be appointed by order of the Legislative Assembly and shall consist of such members appointed by Legislative Assembly.	78. (1) A Select Committee other than the sessional Committees shall be known as a Special Select Committee. This Committee shall be appointed by order of the Legislative Assembly and shall consist of such members appointed by <b>Committee of Selection</b> .

**Cadangan Pindaan Perintah Tetap 79: Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan**

Teks Sedia ada Bahasa Melayu	Teks Cadangan Pindaan Bahasa Melayu
<p>79. (2) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa itu meninggal dunia, atau tidak hadir oleh sebab yang tidak dapat dielakkan atau jika jawatannya sebagai ahli itu telah menjadi kosong kerana sebarang sebab yang lain maka, Dewan Negeri hendaklah secepat mungkin memilih seorang ahli lain sebagai gantinya atau jika Dewan Negeri telah ditangguhkan, pelantikan hendaklah dibuat pada perjumpaan yang akan datang dan lantikan ini hendaklah menurut syarat dalam perenggan (1).</p>	<p>79. (2) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa itu meninggal dunia, atau tidak hadir oleh sebab yang tidak dapat dielakkan atau jika jawatannya sebagai ahli itu telah menjadi kosong kerana sebarang sebab yang lain maka, Dewan Negeri atau Jawatankuasa Pemilih yang diperuntukkan baginya oleh Perintah-Perintah Tetap ini hendaklah secepat mungkin memilih seorang ahli lain sebagai gantinya atau jika Dewan Negeri telah ditangguhkan, pelantikan hendaklah dibuat pada perjumpaan yang akan datang dan lantikan ini hendaklah menurut syarat dalam perenggan (1).</p>

Teks Sedia ada Bahasa Inggeris	Teks Cadangan Pindaan Bahasa Inggeris
<p>79. (2) In the event of the death or unavoidable absence of a member appointed to a Committee, or if his seat becomes vacant for any other reason, the Legislative Assembly shall, as soon as practicable, appoint another member in his place or if the Legislative Assembly has been adjourned, the appointment shall be made at its next sitting and in so doing, shall observe the provisions of paragraph (1).</p>	<p>79. (2) In the event of the death or unavoidable absence of a member appointed to a Committee, or if his seat becomes vacant for any other reason, the Legislative Assembly or Committe of Selection alloted to it by this Standing Order shall, as soon as practicable, appoint another member in his place or if the Legislative Assembly has been adjourned, the appointment shall be made at its next sitting and in so doing, shall observe the provisions of paragraph (1).</p>

**Cadangan Pindaan Perintah Tetap 80: Tatacara Jawatankuasa Pilihan**

<b>Teks Sedia ada Bahasa Melayu</b>	<b>Teks Cadangan Pindaan Bahasa Melayu</b>
80. (1) Perintah-Perintah Tetap ini hendaklah terpakai kepada semua Jawatankuasa Pilihan, kecuali yang diperuntukkan selainnya dalam Perintah Tetap 74 hingga 77 (berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan Penggalan).	80. (1) Perintah-Perintah Tetap ini hendaklah terpakai kepada semua Jawatankuasa Pilihan, kecuali yang diperuntukkan selainnya dalam Perintah Tetap 74 hingga 77A (berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan Penggalan).

<b>Teks Sedia ada Bahasa Inggeris</b>	<b>Teks Cadangan Pindaan Bahasa Inggeris</b>
80. (1) These Standing Orders shall apply to all Select Committees except as otherwise provided in Standing Orders 74 to 77 (in respect of Sessional Select Committees).	80. (1) These Standing Orders shall apply to all Select Committees except as otherwise provided in Standing Orders 74 to 77A (in respect of Sessional Select Committees).